



# **MANUAL PENGURUSAN AGIHAN ZAKAT**

**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
[www.jawhar.gov.my](http://www.jawhar.gov.my)

Cetakan Pertama ... 2007  
© Jabatan Wakaf Zakat dan Haji

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Blok E2, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.

*Konsep & Reka bentuk:*  
Matang Cipta Sdn. Bhd.  
89B, Tingkat 1, Jalan Raja Muda Abdul Aziz  
50300 Kuala Lumpur  
Telefax: 603-26948692  
e-mel: [matangcipta@yahoo.com](mailto:matangcipta@yahoo.com)



*Kata-kata Aluan*  
**YB MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI**



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Segala puji bagi Allah S.W.T., Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W., keluarga, sahabat dan seluruh mukmin yang memperjuangkan syari'at Islam.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) serta semua pihak yang terlibat dalam usaha murni menerbitkan sebuah lagi siri manual Pengurusan JAWHAR berjudul Manual Pengurusan Agihan Zakat (MPAZ) ini.

Penerbitan MPAZ ini adalah menepati tujuan penubuhan JAWHAR sebagai sebuah agensi pusat yang diamanahkan untuk merancang, menyelaraskan, membangun dan memantau program pengukuhan institusi zakat. Adalah diharapkan MPAZ ini dapat membantu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam merancang dan melaksanakan agihan zakat secara efektif kepada golongan asnaf.

Zakat merupakan satu daripada lima rukun Islam. Pada zaman pemerintahan Nabi Muhammad S.A.W., zakat merupakan satu komponen ekonomi yang memainkan peranan besar dalam meningkatkan sosio-ekonomi umat Islam. Dalam dunia yang serba kompetitif masa kini, zakat perlu diurus secara profesional dan efektif selaras dengan peranan dan

fungsinya yang dapat memberi impak positif kepada pembangunan umat Islam, khususnya golongan asnaf.

Selaku sebuah negara yang memaktubkan Islam sebagai agama bagi Persekutuan, Malaysia perlu mengeksploitasi peranan zakat sepenuhnya. Justeru itu, jentera dan sistem pungutan serta agihan zakat perlu sentiasa diperteguh dan dipertingkatkan. Manakala operasinya pula perlu sentiasa dikendalikan dengan cekap dan bijaksana bagi memartabatkan penyariatian zakat yang didaulatkan sebagai salah satu Rukun Islam yang lima.

Saya amat berharap serta mempunyai penuh keyakinan bahawa MPAZ ini dapat membantu memperkemaskan perancangan dan sistem pengurusan zakat yang dikendalikan oleh MAIN, sekaligus dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi umat Islam keseluruhannya. Insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

والسلام



**DATU' DR. ABDULLAH BIN MD ZAIN**  
**Menteri di Jabatan Perdana Menteri**



## *Kata-kata Aluan*

**KETUA PENGARAH  
JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI  
JABATAN PERDANA MENTERI**



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, segala pujian dan kesyukuran dirafakkan kepada Allah S.W.T. di atas limpah kurnia dan inayah-Nya, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) berjaya menerbitkan sebuah lagi siri Manual Pengurusan JAWHAR berjudul Manual Pengurusan Agihan Zakat (MPAZ) ini. Tahniah dan syabas dirakamkan kepada semua yang terlibat dalam penerbitan MPAZ ini kerana dengan ketekunan dan kesabaran mereka, ianya dapat direalisasikan. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Syarikat Memungut Zakat (SMZ) yang memberi kerjasama sepenuhnya dalam penerbitan MPAZ ini.


Di antara fungsi JAWHAR yang ditubuhkan oleh Kerajaan Persekutuan pada tahun 2004, adalah berperanan untuk merancang, menyelaraskan, membangun dan memantau program pengukuhan institusi zakat selain wakaf, mal dan haji. Justeru itu, JAWHAR mengambil inisiatif menerbitkan MPAZ ini dalam usaha untuk meningkatkan lagi tahap penyampaian perkhidmatan agensi kerajaan dalam agihan zakat dan membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi umat Islam.

Adalah menjadi harapan saya semoga MPAZ ini akan dapat memperkayakan lagi sumber rujukan utama mengenai pengagihan zakat yang berkesan di Malaysia. Sesungguhnya

pengagihan zakat yang efektif akan dapat menzahirkan usaha murni berterusan JAWHAR untuk mempertingkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan awam amnya dan pengukuhan institusi zakat khasnya.

Sekian, terima kasih.

والسلام



**DR. SOHAIMI HJ. MOHD SALLEH**  
**Ketua Pengarah**  
**Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji**

# *Penghargaan*

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama dan sumbangan idea untuk menghasilkan **Manual Pengurusan Agihan Zakat (MPAZ)** ini. Penghargaan dan terima kasih diucapkan khusus kepada semua **Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)** yang telah memberi input dan berkongsi pengalaman berhubung dengan pengurusan agihan zakat di negeri masing-masing.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada **Institut Kajian Zakat (IkaZ, UiTM)** yang telah memberikan pandangan, maklumat dan nasihat berkaitan dengan sistem agihan zakat. Terima kasih juga diucapkan kepada panel rujukan JAWHAR yang telah menyumbangkan pandangan berkaitan dengan sistem dan aspek praktikal pengagihan zakat masa kini.





# KANDUNGAN

<b>KATA-KATA ALUAN</b>	
<b>YB. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</b>	iii
<b>KATA-KATA ALUAN</b>	
<b>KETUA PENGARAH JABATAN WAKAF ZAKAT DAN HAJI</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vii
<b>BAB 1: AGIHAN ZAKAT</b>	
Pengenalan	1
Sumber Pensyariatan Agihan Zakat	2
Objektif Agihan	3
Prinsip Agihan	4
Penutup	6
<b>BAB 2: ASNAF</b>	
Pengenalan	7
Takrif Asnaf	8
Kriteria-Kriteria Asnaf	9
Penutup	13
<b>BAB 3: HADDUL KIFAYAH</b>	
Pengenalan	15
Takrif Haddul Kifayah	
Dalil-Dalil Penetapan Haddul Kifayah	15
Perkara-Perkara Yang Perlu Diambil Kira Dalam Penentuan Haddul Kifayah	17
Penentuan Haddul Kifayah Asnaf Fakir dan Miskin	22
Penutup	26

## **BAB 4: BANTUAN**

PENGENALAN	27
JENIS BANTUAN AGIHAN ZAKAT MENGIKUT ASNAF	28
SYARAT UMUM PENERIMA AGIHAN ZAKAT	31
SKIM BANTUAN AGIHAN ZAKAT	32
PENUTUP	63

## **BAB 5: PANDUAN AM**

PENGENALAN	65
KADAR BANTUAN	65
CARA MEMOHON	66
PENERIMAAN BANTUAN LEBIH DARI SATU SKIM	66
BAKI AGIHAN	66
KAJIAN HADDUL KIFAYAH	66
SENARAI FAKIR MISKIN	66
PINDAAN ATAU PENGUBAHSUAIAN MPAZ	66
PENUTUP	67

# BAB 1: AGIHAN ZAKAT



Firman Allah S.W.T. mafhumnya:

*“Dan di antara mereka ada yang mencelamu (wahai Muhammad) mengenai (pembahagian) sedekah-sedekah (zakat); oleh itu jika mereka diberikan sebahagian daripadanya (menurut kehendak mereka), mereka suka (dan memandangnya adil) dan jika mereka tidak diberikan dari zakat itu (menurut kehendaknya), (maka) dengan serta-merta mereka marah.”*

(Surah At-Taubah 9: 58)

## **Pengenalan**

Manual Pengurusan Agihan Zakat (MPAZ) ini bertujuan untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada amil-amil dan pengurus-pengurus zakat yang diamanahkan untuk mengurus hal-ehwal agihan zakat. MPAZ ini akan membantu menghasilkan pengagihan zakat yang cekap dan berkesan. Bab ini akan menerangkan mengenai aspek-aspek hukum, prinsip, dasar dan matlamat pengagihan zakat yang ditetapkan oleh Syarak.

## SUMBER PENSYARIATAN AGIHAN ZAKAT

Sumber pensyariatian agihan zakat adalah berdasarkan kepada nas-nas dari al-Quran dan al-Hadis. Sumber dari al-Quran antaranya adalah:

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمَوْلَى فِ  
فُلُوقِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ  
فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلَيْهِ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

Maafhumnya:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan, (ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha mengetahui, lagi Maha bijaksana”.

(Surah At-Taubah 9: 60)

Sumber dari hadis antaranya adalah seperti yang diriwayatkan oleh Abu Daud, Rasulullah s.a.w. bersabda:

عن زياد بن الحارث الصدائي، قال: أتيت رسول الله  
ﷺ فبايعته، وذكر حديثا طويلا، قال: فأتاه رجل  
فقال اعطني محمد الصدقة، فقال له رسول الله ﷺ:  
" إن الله تعالى لم يرض بحكم نبي ولا غيره في

## AGIHAN ZAKAT

الصدقات حتى حكم فيها هو، فجزأها ثمانية أجزاء  
فإن كنت من تلك الأجزاء أعطيتك حَقَّكَ".

(رواه أبو داود)

Mafhumnya:

*Daripada Ziad bin al-Haris al-Suddai berkata: Aku telah datang menemui Rasulullah S.A.W. maka aku berbaiah kepadanya, (maka dia telah bercerita panjang) kemudian dia berkata: tiba-tiba telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah S.A.W. seraya berkata: berikan kepada ku sebahagian daripada zakat. Maka Rasulullah berkata kepadanya: "Allah tidak meredhai keputusan Nabi dan manusia lain dalam pembahagian zakat sehingga Dia sendiri yang menentukan keputusannya, maka Dia telah membahagi zakat kepada lapan bahagian (asnaf). Sekiranya kamu termasuk dalam bahagian tersebut, aku akan berikan hak kamu".*

(Riwayat Abu Daud)

### OBJEKTIF AGIHAN

Pengagihan zakat mempunyai objektif yang tersendiri. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. Menjadikan zakat sebagai asas pembangunan negara dan ummah.
- ii. Menunaikan hak dan tanggungjawab kepada asnaf seperti mana yang ditetapkan oleh Syarak (*Sila rujuk Bab 2*).
- iii. Meningkatkan taraf hidup golongan asnaf dalam semua bidang kehidupan merangkumi aspek-aspek rohani, aqli dan jasmani.

- iv. Membantu melaksanakan usaha-usaha memantap dan meninggikan penghayatan agama Islam.
- v. Mempertahan dan meningkatkan martabat ummah.

### **PRINSIP AGIHAN**

Bagi melaksanakan agihan zakat kepada asnaf-asnaf yang berhak, prinsip-prinsip berikut hendaklah diambil kira sebagai panduan:

1. **Amanah ( الأمانة )**  
Semua hasil kutipan zakat adalah merupakan amanah di tangan pihak pengurusan (amil) yang wajib diagihkan kepada asnaf yang berhak menerimanya.
2. **Telus ( الخبير الصادق )**  
Hasil kutipan dan agihan zakat hendaklah dibentangkan dan diaudit.
3. **Menyeluruh ( الاستيعاب )**  
Hasil kutipan zakat hendaklah diagihkan secara menyeluruh kepada asnaf yang berhak.
4. **Wajar ( التّسوية )**  
Hasil kutipan hendaklah diagihkan secara wajar kepada semua asnaf. Walau bagaimanapun peruntukan bagi mana-mana asnaf yang tidak dapat dihabiskan, bolehlah dipindahkan kepada asnaf-asnaf lain mengikut keutamaan.
5. **Haddul kifayah ( حد الكفاية )**  
Zakat hendaklah diberi atas kadar perlu yang mencukupi kepada setiap individu di dalam asnaf berkenaan.
6. **Khusus ( الحُصُوصِيَّة )**  
Hasil kutipan zakat adalah khas bagi golongan yang

## AGIHAN ZAKAT

tertentu sahaja sebagaimana ditentukan oleh syarak iaitu kepada lapan asnaf.

7. **Berasingan ( الاستقلال )**  
Harta zakat hendaklah diasingkan dari dana-dana lain.
8. **Berhemah ( الاقتصاد )**  
Segala perbelanjaan zakat hendaklah diurus secara berhemah.
9. **Pengawasan ( الرقابة )**  
Semua agihan zakat hendaklah dilakukan dengan pengawasan dan kawalan yang rapi.
10. **Pertanggungjawaban ( المسؤولية )**  
Amil hendaklah bertanggungjawab terhadap harta zakat yang dikutip dan yang diagih olehnya.
11. **Mendapatkan maklumat dengan lengkap ( الإحصاء )**  
Agihan zakat hendaklah dibuat berdasarkan bancian oleh amil yang meliputi kerja-kerja mengesan, menyiasat dan memperakukan calon yang berhak menerima zakat.
12. **Pencalonan ( الترشيح )**  
Pembayar zakat diberi hak mencalonkan mereka yang layak menerima zakat.
13. **Segera ( فوراً )**  
Amil hendaklah segera melaksanakan agihan setelah memastikan asnaf yang menerimanya sah pada hukum syarak.
14. **Hak ( الحق )**  
Semua dana dan hasil zakat adalah hak asnaf.

**15. Keutamaan (الأولويات)**

Agihan zakat hendaklah dilaksanakan mengikut keutamaan iaitu kepada asnaf fakir, miskin dan amil. Berasaskan prinsip ini, sekiranya peruntukan untuk ketiga-tiga asnaf ini tidak mencukupi, maka pindahan peruntukan dari asnaf yang lain hendaklah dilakukan dengan mengutamakan ketiga-tiga asnaf ini.

**PENUTUP**

Konsep agihan merupakan struktur penting dalam sistem pengurusan zakat. Telah disyariatkan dalam Al-Quran dan Hadis akan kepentingannya. Menjadi tanggungjawab Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk memastikan sistem agihan zakat mencapai objektifnya yang tertumpu ke arah pembangunan sosio-ekonomi umat Islam. Prinsip-prinsip agihan yang digariskan adalah prinsip asas bagi seluruh umat Islam dalam pembahagian harta zakat.





## BAB 2: ASNAF



Firman Allah S.W.T. mafhumnya:

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”*

(Surah At-Taubah 9: 60)

### **PENGENALAN**

Bab ini akan menghuraikan takrif dan kriteria-kriteria asnaf. Asnaf telah ditetapkan kepada 8 golongan sahaja, pun begitu terdapat beberapa kriteria yang perlu dipenuhi untuk melayakkan mereka tergolong sebagai penerima zakat. Perkara

ini perlu bagi memastikan hasil zakat tidak dieksploitasi oleh golongan yang tidak bertanggungjawab.

### **TAKRIF ASNAF**

**1. Fakir**

Seseorang yang tidak mempunyai apa-apa harta atau pekerjaan halal atau yang menerima pendapatan tidak sampai 50 peratus daripada keperluan asas harian diri dan tanggungannya mengikut ukuran hidup yang sederhana.

**2. Miskin**

Seseorang yang mempunyai harta atau pendapatan yang melebihi 50 peratus tetapi tidak mencapai *haddul kifayah* untuk keperluan asas diri dan tanggungannya.

**3. Amil**

Individu atau institusi yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat sama ada mengurus dan mentadbir hal ehwal pungutan, pengagihan atau yang mengawasi urusan kewangan zakat.

**4. Muallaf**

Mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau mereka yang baru memeluk Islam dan belum kukuh Islamnya.

**5. Riqab**

Memerdekakan diri daripada cengkaman perhambaan, kejahilan atau kongkongan pihak-pihak tertentu.

**6. Gharimin**

Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas diri, keluarga, tanggungannya atau masyarakat dan memerlukan penyelesaian segera yang dibenarkan oleh Syarak.

## ASNAF

### 7. **Fi sabilillah**

Mereka yang berjuang, berusaha, mempertahankan dan meningkatkan penghayatan Islam.

### 8. **Ibnussabil**

Orang yang terputus bekalan (perbelanjaan) semasa perjalanan (*safar*) dan orang yang hendak memulakan perjalanan (*safar*) yang diharuskan oleh syarak.

## KRITERIA-KRITERIA ASNAF

### 1. **Kriteria Asnaf Fakir**

- i. Islam.
- ii. Warganegara Malaysia.
- iii. Bermastautin (tinggal tetap) di negeri berkenaan.
- iv. Tiada pendapatan atau harta yang mencapai separuh haddul kifayah atau pendapatan kurang dari 50% haddul kifayah kerana:
  - a) Tua/uzur/sebatang kara/cacat atau tiada upaya untuk menyara hidup.
  - b) Tiada tempat bergantung atau teraniaya seperti balu, ibu tunggal, janda, isteri yang ditinggalkan dan isteri yang suaminya dipenjara.
  - c) Isteri yang suaminya terlibat dengan *Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS)/Human Immunodeficiency Virus (HIV)* atau penagihan dadah atau mengidap sakit kronik.
  - d) Lain-lain seumpamanya.

### 2. **Kriteria Asnaf Miskin**

- i. Islam.
- ii. Warganegara Malaysia.

- ii. Bermastautin (tinggal tetap) di negeri berkenaan.
- iv. Mempunyai pekerjaan atau pendapatan melebihi 50% tetapi tidak mencapai haddul kifayah kerana:
  - a) Tua/uzur/sebatang kara/cacat atau tiada upaya untuk menyara hidup.
  - b) Tiada tempat bergantung atau teraniaya seperti balu, janda, ibu tunggal, isteri yang ditinggalkan dan isteri yang suaminya dipenjarakan.
  - c) Isteri yang suaminya terlibat dengan AIDS/HIV atau penagihan dadah atau menghidap sakit kronik.
  - d) Lain-lain seumpamanya.

### **3. Kriteria Asnaf Amil**

- i. Islam.
- ii. Mempunyai tauliah dari pihak berkuasa zakat negeri.
- iii. Beramanah.
- iv. Berilmu dan tidak *safih* (bodoh, dungu, nyanyuk dan sebagainya).
- v. Tidak muflis.

### **4. Kriteria Asnaf Muallaf**

Asnaf Muallaf hendaklah bercirikan sekurang-kurangnya satu daripada perkara berikut:

- i. Baru memeluk agama Islam.
- ii. Ketua-ketua masyarakat Islam yang baik hubungan dengan ketua-ketua kumpulan bukan Islam yang sejawatan atau sama taraf dengannya.
- iii. Ketua-ketua masyarakat Islam yang masih lemah iman tetapi masih ditaati oleh orang-orang di bawah pimpinannya.

## ASNAF

- iv. Orang-orang Islam yang tinggal di perbatasan yang berhampiran dengan negara musuh Islam.
- v. Orang bukan Islam yang boleh dipujuk supaya menganut Islam.
- vi. Orang bukan Islam yang boleh dipujuk supaya tidak mengancam orang-orang Islam.

### 5. **Kriteria Asnaf Riqab**

- i. Islam.
- ii. Tiada sumber kewangan yang mencukupi atau tidak mendapat bantuan daripada sumber lain.
- iii. Disahkan ingin membebaskan dirinya dari belenggu yang dihadapi.

### 6. **Kriteria Asnaf Gharimin**

- i. Islam.
- ii. Orang yang berhutang tetapi tidak mempunyai sumber lain untuk melunaskan hutangnya dengan syarat:
  - a) Berhutang untuk keperluan asasi bagi diri dan tanggungan serta menepati hukum syarak.
  - b) Berhutang akibat bencana alam.
  - c) Berhutang untuk membiayai rawatan/perubatan.
  - d) Berhutang yang tidak dapat dielakkan bagi membiayai kos pengeluaran yang asas untuk menampung keperluan asasi.
  - e) Berhutang bagi menyelesaikan masalah masyarakat yang dibenarkan oleh syarak yang memerlukan penyelesaian segera.

**7. Kriteria Asnaf Fi sabilillah**

Kriteria Asnaf Fi sabilillah adalah orang Islam yang terlibat dalam:

- i. Usaha yang dilaksanakan yang tidak melanggar syariat Islam.
- ii. Usaha yang dilaksanakan yang memberi manfaat kepada Islam.
- iii. Usaha yang dilaksanakan yang memenuhi pengertian jihad Fi sabilillah.
- iv. Usaha yang dilaksanakan yang menuju ke arah amar makruf dan nahi mungkar.
- v. Usaha yang dilaksanakan yang dapat meningkatkan imej dan syiar serta menjaga maruah Islam mengikut keutamaan.
- vi. Usaha yang dilaksanakan dengan menggunakan kaedah-kaedah yang mampu mengukuhkan akidah orang-orang Islam.
- vii. Usaha yang digerakkan ke arah penyampaian dakwah kepada umat Islam dan bukan Islam.
- viii. Usaha membasmi kejahilan dan meningkatkan taraf keintelektualan umat Islam.

**8. Kriteria Asnaf Ibnussabil**

- i. Islam.
- ii. Musafir yang diharuskan oleh syarak.
- iii. Tidak mempunyai perbelanjaan yang mencukupi bagi membiayai keperluan asasi buat sementara waktu sebelum pulang ke negeri/negara asal.
- iv. Tiada saudara mara/kedutaan yang bersedia dan berkewajipan untuk membantu pembayaran visa/

## ASNAF

tambang (bagi warga asing) dalam tempoh sekali sahaja berdasarkan kes tertentu yang boleh dipertimbangkan.

### **PENUTUP**

Takrif dan kriteria asnaf telah di tetapkan oleh Allah S.W.T. Bagaimanapun, takrif asnaf yang diberikan adalah merupakan takrif umum yang mana masih boleh dihuraikan bergantung kepada keadaan semasa. Huraian takrif asnaf yang lebih luas mampu menyumbang ke arah pengembangan potensi zakat selaku penjana ekonomi umat Islam.



## BAB 3: HADDUL KIFAYAH



Firman Allah S.W.T. mafhumnya:

*“Sesungguhnya Penolong kamu hanyalah Allah dan Rasulnya, serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah)”.*

(Surah Al-Maaidah 5: 55)

### **PENGENALAN**

Bab ini menghuraikan mengenai konsep Haddul Kifayah yang merupakan kadar asas keperluan diri dan tanggungan yang minimum yang menentukan tahap kelayakan penerima zakat dengan mengambil kira perbezaan tempat, masa, keperluan dan keadaan sosio-ekonomi.

### **DALIL-DALIL PENETAPAN HADDUL KIFAYAH**

Dalil penetapan Haddul Kifayah adalah berdasarkan kepada hadis Rasulullah S.A.W. seperti berikut:



عن قبيصة بن مخارق الهلالي رضى الله عنه قال :  
 تحملت حمالة. فأتيت رسول الله ﷺ أسأله فيها  
 فقال: " أقم حتى تأتينا الصدقة فنأمر لك بها" قال ثم  
 قال: " يا قبيصة إن المسألة لا تحل إلا لأحد ثلاثة :  
 رجل تحمل حمالة فحلت له المسألة حتى يصيبها ثم  
 يمسك ورجل أصابته جائحة اجتاحت ماله فتحلت له  
 المسألة حتى يصيب قوام من عيش (أو قال سداد من  
 عيش)، ورجل أصابته فاقة حتى يقول ثلاثة من ذوى  
 الحجا من قومه لقد أصابت فلانا فاقة، فحلت له  
 المسألة حتى يصيب قوام من عيش (أو قال سداد من  
 عيش) فما سواهن من المسألة يا قبيصة! سحتا يأكلها  
 صاحبها سحتا."

(رواه مسلم، أحمد، أبو داود والدارقطني)

Mafhumnya:

*Daripada Qabisah bin Mukhariq al-Hilali katanya:  
 aku pernah menanggung hutang (untuk mendamai-  
 kan dua qabilah yang saling bersengketa). Lalu  
 aku datang kepada Rasulullah S.A.W. meminta  
 bantuan kepada Baginda untuk membayarnya. Jawab  
 Baginda: "tunggulah sampai orang datang meng-  
 hantar zakat, nanti aku suruh supaya menyerah-  
 kannya kepadamu", kemudian baginda meneruskan  
 sabdanya: Hai Qabisah! Sesungguhnya meminta-*

## HADDUL KIFAYAH

*minta itu tidak dibolehkan kecuali untuk tiga golongan: (1) Orang yang menanggung hutang (Gharim, untuk mendamai dua orang yang bersengketa atau seumpamanya), maka orang itu boleh meminta-minta sehingga hutangnya selesai dilunaskan, apabila hutangnya telah selesai dilunaskan, maka tidak boleh lagi dia meminta-minta. (2) Orang yang ditimpa bencana, sehingga musnah harta bendanya, orang itu boleh meminta-minta sehingga memperoleh kehidupan yang layak baginya. (3) Orang yang ditimpa kemiskinan (disaksikan atau diketahui oleh tiga orang yang dipercayai bahawa dia memang miskin), orang itu boleh meminta-minta sehingga dia memperoleh sumber penghidupan yang layak. Rasulullah bersabda: selain dari tiga golongan itu, wahai Qabisah! haram baginya memakan hasil dari meminta-minta itu.”*

(Riwayat Muslim, Ahmad, Abu Daud dan Al-Daruqutni)

## **PERKARA YANG PERLU DIAMBIL KIRA DALAM PENENTUAN HADDUL KIFAYAH**

### **i. Tujuan Pensyariatian**

Setiap pengagihan zakat adalah merujuk kepada tujuan pensyariatian (*maqasid as-syariah*) yang lima iaitu:

- a) Memelihara agama.
- b) Memelihara nyawa.
- c) Memelihara akal fikiran.
- d) Memelihara keturunan atau maruah.
- e) Memelihara harta benda.

## ii. Keperluan Asas

Keperluan asas yang diambil kira dalam penentuan Haddul Kifayah adalah seperti berikut:

- a) **Perlindungan** adalah merangkumi perbelanjaan menyediakan perlindungan untuk seisi rumah termasuk sewa rumah, bil elektrik, bil air dan segala yang berkaitan dengan keperluan asasi sebuah rumah.
- b) **Makanan dan minuman** bermaksud segala bahan makanan dan minuman yang dimakan dan diminum oleh ahli rumah dan tanggungannya.
- c) **Pakaian** adalah segala bentuk pakaian yang digunakan oleh ahli rumah seperti pakaian harian, pakaian sekolah, pakaian kerja dan lain-lain.
- d) **Perubatan** merujuk kepada segala bentuk perubatan dan peralatan yang diambil oleh ahli rumah seperti rawatan, pembelian ubat-ubatan di kedai ubat atau farmasi dan sebagainya.
- e) **Pendidikan** merujuk kepada segala perbelanjaan yang berkaitan pendidikan ahli rumah seperti perbelanjaan yuran sekolah/kolej/universiti, pembelian buku-buku asas dan segala yang berkaitan dengan pendidikan.
- f) **Pengangkutan** adalah merangkumi segala perbelanjaan yang berkaitan pengangkutan berbayar ahli rumah seperti petrol, bayaran ansuran kenderaan, tambang bas, tambang teksi dan segala bentuk pengangkutan berbayar.

## iii. Kategori

Kategori isi rumah mempunyai kadar keperluan tertentu dan berbeza mengikut kedudukan dalam keluarga iaitu sama ada ketua keluarga atau tanggungan dan bersekolah atau sebaliknya. Berikut adalah 7

## HADDUL KIFAYAH

kategori yang dikenal pasti berserta definisi:

Bil	Kategori	Definisi
(a)	Ketua Keluarga	Suami/Isteri atau ibu/bapa tunggal atau seorang diri (sebatang kara).
(b)	Dewasa	Isteri/suami jika ditanggung oleh ketua keluarga sama ada bekerja/tidak bekerja dan/atau ibu/bapa yang perlu disara dan/atau tanggungan tidak bersekolah berumur lebih daripada 18 tahun dan/atau tanggungan/anak yang bekerja tetapi masih tinggal bersama.
(c)	Dewasa Bersekolah	Tanggungan/anak berumur 18 tahun ke atas yang masih menuntut.
(d)	Remaja Bersekolah	Tanggungan/anak berumur 13 hingga 17 tahun yang masih menuntut.
(e)	Kanak-kanak Bersekolah	Tanggungan/anak yang berumur 5 hingga 12 tahun yang bersekolah.
(f)	Remaja/ Kanak-kanak Tidak Bersekolah	Tanggungan/anak yang berumur kurang daripada 18 tahun yang tidak bersekolah.
(g)	Kanak-kanak Berumur di Bawah 5 Tahun	Tanggungan/anak yang berumur kurang daripada 5 tahun.

#### iv. Lokasi

Perkiraan dan penentuan Haddul Kifayah adalah berbeza mengikut tiga lokasi berikut:

- a) **Bandaraya:** Kawasan yang terletak di bawah kuasa pentadbiran Dewan/Majlis Bandaraya.
- b) **Kawasan Bandar:** Kawasan Bandar ialah kawasan Majlis Perbandaran/Daerah dan kawasan operasinya.
- c) **Kawasan Luar Bandar:** Kawasan yang berada di

MANUAL PENGURUSAN AGIHAN ZAKAT

luar persempadanan Dewan Bandaraya atau Majlis Perbandaran atau kawasan operasi Majlis Daerah.

**v. Status Rumah**

Status rumah terbahagi kepada dua:

- a) Rumah percuma iaitu rumah milik sendiri atau didiami secara percuma.
- b) Rumah berbayar iaitu rumah milik sendiri yang belum habis dibayar atau rumah sewa dan seumpamanya.

**vi. Kadar Haddul Kifayah**

- a. Contoh pengiraan kadar Haddul Kifayah bulanan mengikut keperluan asasi di Kuala Lumpur bagi kawasan Bandaraya dan Selangor bagi kawasan bandar dan luar bandar adalah seperti berikut:

Bil	Perkara		Bandaraya (RM)		Bandar (RM)		Luar Bandar (RM)	
			(P)*	(B)*	(P)*	(B)*	(P)*	(B)*
i.	Perlindungan		40	250	40	240	25	125
ii.	Makanan	Dewasa	81	81	75	75	50	50
		Kanak-kanak	54	54	40	40	25	25
iii.	Pakaian	Dewasa	20	20	15	15	10	10
		Kanak-kanak	10	10	10	10	5	5
iv.	Perubatan		15	15	10	10	5	5
v.	Pendidikan	Dewasa bersekolah	40	40	40	40	35	35
		Remaja bersekolah	40	40	30	30	30	30

HADDUL KIFAYAH

		Kanak-kanak bersekolah	40	40	25	25	20	20
		Tadika	20	20	35	35	20	20
vi.	Pengangkutan	Dewasa	54	54	50	50	40	40
		Dewasa & remaja bersekolah	54	54	30	30	20	20
		Kanak-kanak bersekolah	30	30	20	20	10	10

Petunjuk:

\* : (P) rumah percuma (B) rumah berbayar

Dewasa : Mereka yang berumur 18 tahun ke atas kecuali yang tidak bersekolah

b. Contoh pengiraan Haddul Kifayah mengikut kategori isi rumah:

Bil	Kategori	Keperluan Asasi	Bandaraya (RM)		Bandar (RM)		Luar Bandar (RM)	
			(P)*	(B)*	(P)*	(B)*	(P)*	(B)*
i.	Ketua Keluarga	Perlindungan	40	250	40	240	25	125
		Makanan	81	81	75	75	50	50
		Pakaian	20	20	15	15	10	10
		Perubatan	15	15	10	10	10	10
		Pengangkutan	54	54	50	50	40	40
		<b>KADAR</b>	<b>210</b>	<b>420</b>	<b>190</b>	<b>390</b>	<b>135</b>	<b>235</b>
ii.	Dewasa	Makanan		81		75		50
		Pakaian		20		15		10
		Perubatan		15		10		5
		<b>KADAR</b>		<b>116</b>		<b>100</b>		<b>65</b>
iii.	Dewasa Bersekolah	Makanan		81		75		50
		Pakaian		20		15		10
		Perubatan		15		10		5
		Pendidikan		40		40		35
		Pengangkutan		54		30		20
		<b>KADAR</b>		<b>210</b>		<b>170</b>		<b>120</b>

MANUAL PENGURUSAN AGIHAN ZAKAT

iv.	Remaja Bersekolah	Makanan Pakaian Perubatan Pendidikan Pengangkutan	54 10 15 40 30	40 15 10 30 30	25 5 5 30 20
		<b>KADAR</b>	<b>149</b>	<b>125</b>	<b>85</b>
v.	Kanak-kanak Bersekolah	Makanan Pakaian Perubatan Pendidikan Pengangkutan	54 10 15 40 30	40 10 10 25 20	25 5 5 20 10
		<b>KADAR</b>	<b>149</b>	<b>105</b>	<b>65</b>
vi.	Remaja/ Kanak-kanak Tidak Bersekolah	Makanan Pakaian Perubatan Pendidikan Pengangkutan	54 10 15 20 30	40 10 10 20 20	20 5 5 20 20
		<b>KADAR</b>	<b>129</b>	<b>100</b>	<b>70</b>
vii.	Kanak-kanak Berumur di Bawah 5 Tahun	Makanan Pakaian Perubatan	54 10 15	40 10 10	20 5 5
		<b>KADAR</b>	<b>79</b>	<b>60</b>	<b>30</b>

Nota: Pengangkutan boleh ditambah jika diperlukan untuk bekerja dengan mengikut kadar ketua keluarga.

\* : (P) rumah percuma (B) rumah berbayar.

## PENENTUAN HADDUL KIFAYAH ASNAF FAKIR DAN MISKIN

### i. Kaedah Pengelasan Fakir/Miskin

Pengelasan sesebuah isi rumah bagi menentukan sama ada mereka fakir atau miskin adalah berbeza di antara satu keluarga dengan satu keluarga yang lain. Ini bergantung kepada bilangan isi rumah dan lokasi sama

HADDUL KIFAYAH

ada bandar raya, bandar atau luar bandar. Contoh:

- a) Haddul Kifayah bagi sebuah keluarga mengandungi suami, isteri yang tidak bekerja, anak-anak berumur 18 tahun, 15 tahun, 9 tahun yang sedang bersekolah dan seorang anak berumur 4 tahun.

Bil	Perkara	Bil. (orang)	Bandaraya (RM)		Bandar (RM)		Luar Bandar (RM)	
			(P)*	(B)*	(P)*	(B)*	(P)*	(B)*
i.	Ketua Keluarga	1	210	420	190	390	135	235
ii.	Dewasa	1	116	116	100	100	65	65
iii.	Dewasa bersekolah	1	210	210	170	170	120	120
iv.	Remaja bersekolah	1	149	149	125	125	85	85
v.	Kanak-kanak bersekolah	1	149	149	105	105	65	65
vi.	Kanak-kanak	1	79	79	60	60	30	30
	<b>JUMLAH</b>	<b>6</b>	<b>913</b>	<b>1123</b>	<b>750</b>	<b>950</b>	<b>500</b>	<b>600</b>

- b. Contoh pengiraan Haddul Kifayah mengikut kategori isi rumah:

Rumah		Fakir (RM)	Miskin (RM)
Kawasan	Status		
Bandaraya	Percuma	0 – 456	456.50 – 913
	Berbayar	0 – 561	561.50 - 1123
Bandar	Percuma	0 – 374	375 – 750
	Berbayar	0 – 474	475 – 950
Luar Bandar	Percuma	0 – 249	250 – 500
	Berbayar	0 – 299	300 – 600



**ii. Kaedah Pelaksanaan**

- a. Kelayakan setiap pemohon akan dinilai berdasarkan kadar Haddul Kifayah yang disediakan.
- b. Sekiranya pendapatan pemohon melebihi Haddul Kifayah, amil mesti mengambil kira faktor lain bagi pemohon jika ada untuk turut dipertimbangkan seperti:
  - i. Sama ada pemohon adalah seorang yang memberi perlindungan dan menjaga orang tuanya atau menyara anak terencat akal/cacat.
  - ii. Status pekerjaan pemohon sama ada tetap, kontrak atau sementara.
  - iii. Sama ada pemohon atau ahli keluarga menghadapi masalah kesihatan kronik atau kecacatan anggota yang menghalang daripada bekerja secara aktif.
  - iv. Sama ada pemohon berusia lanjut atau tidak berupaya bekerja.
  - v. Sama ada pemohon menyara ramai anak.
  - vi. Ibu bekerja yang membelanjakan untuk penjagaan anak-anak.
  - vii. Sama ada pemohon adalah seorang ibu tunggal/ ibu tinggal dan menyara anak yang sedang belajar.
  - viii. Sama ada terdapat ahli keluarga pemohon yang bermasalah seperti suami dalam penjara/ pusat serenti, menagih dadah dan penghidap HIV/AIDS.
  - ix. Sama ada pemohon muallaf yang bermasalah.
- c. Pengiraan pendapatan hendaklah termasuk pendapatan (gaji kasar) ketua keluarga, isteri dan

## HADDUL KIFAYAH

tanggungannya yang bekerja dan yang tinggal bersama serta dari sumber pendapatan yang lain.

- d. Kadar jumlah pendapatan isi rumah pemohon dinaikkan/ditambah (berbanding Haddul Kifayah) sekiranya pemohon memiliki barang-barang seperti berikut:

Bil	Jenis Barang Mewah	Umur Barang (tahun)	Kadar Kenaikan /tambahan (RM/orang)
i.	Kereta	1-5	300
ii.	Kereta	6-10	100
iii.	Emas/barang kemas (melebihi keperluan)	-	100
iv.	Hi-fi/video/astro/parabola	-	70
v.	Wang simpanan (melebihi nisab) dibahagi 12 bulan	-	Tertakluk kepada melebihi nisab
vi.	Alat-alat muzik	-	70

- e. Kadar jumlah pendapatan isi rumah pemohon diturunkan/dikurangkan, (berbanding Haddul Kifayah) jika pemohon didapati berkeadaan seperti berikut:

Bil	Keadaan Pemohon	Kadar Pengurangan (RM/orang)
i.	Sakit kronik	200
ii.	Cacat	200
iii.	Ibu Tunggal	200
iv.	Isteri yang ditinggalkan	200
v.	Tanggung anak belajar di Institut Pengajian Tinggi Awam atau Swasta (IPTA/IPTS) (setiap seorang)	100

## MANUAL PENGURUSAN AGIHAN ZAKAT

vi.	Keluarga bermasalah seperti penagih dadah/HIV/AIDS dan sebagainya (setiap seorang)	200
vii.	Muallaf	200

### **PENUTUP**

Haddul Kifayah berperanan sama seperti Indeks Kemiskinan iaitu menetapkan satu kadar yang melayakkan individu itu menerima bantuan zakat. Haddul Kifayah setiap kawasan adalah berbeza bergantung kepada keperluan harian di mana keperluan di bandar tentulah lebih tinggi berbanding dengan luar bandar. Adalah diyakini bahawa jika Haddul Kifayah digunapakai dalam menentukan kadar bantuan zakat, kadar kemiskinan akan dapat dikurangkan. Justeru itu, menjadi tanggungjawab MAIN untuk menggunakan Haddul Kifayah dalam melaksanakan pengagihan bantuan zakat.



## BAB 4: BANTUAN



Firman Allah S.W.T. mafhumnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji”.*

(Surah Al-Baqarah 2: 267)

### **PENGENALAN**

Bab ini akan mengupas mengenai jenis-jenis bantuan yang boleh diberikan kepada golongan asnaf selain daripada bantuan kewangan. Skim bantuan yang direncanakan adalah bagi memenuhi keperluan asasi asnaf dan melibatkan bentuk bantuan sepadan bagi pembangunan diri. Adalah diyakini skim

bantuan ini mampu menjana kehidupan ummah ke arah yang lebih baik.

**JENIS BANTUAN AGIHAN ZAKAT MENGIKUT ASNAF**

Jenis bantuan zakat yang diagihkan mengikut asnaf adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Asnaf</b>	<b>Bantuan</b>
i.	Fakir	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan makanan bulanan</li> <li>• Bantuan kewangan bulanan</li> <li>• Bantuan pengurusan Rumah Orang Tua</li> <li>• Bantuan pembinaan rumah individu/ kelompok</li> <li>• Bantuan sewa rumah</li> <li>• Bantuan membaik pulih rumah</li> <li>• Bantuan kecemasan/runcit</li> <li>• Bantuan perubatan</li> <li>• Bantuan yuran sekolah rendah/menengah/ kolej/universiti</li> <li>• Bantuan keperluan pendidikan</li> <li>• Bantuan kursus/latihan</li> <li>• Bantuan pengurusan jenazah</li> <li>• Bantuan pakaian</li> <li>• Bantuan perkahwinan</li> <li>• Bantuan Hari Raya</li> <li>• Bantuan keusahawanan</li> <li>• Bantuan pengangkutan</li> <li>• Bantuan peralatan asas</li> <li>• Bantuan bagi siswazah yang sedang mencari pekerjaan</li> <li>• Bantuan Khidmat Guaman</li> <li>• Bantuan menyelamatkan dari pemesongan akidah</li> </ul>
ii.	Miskin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan Hari Raya</li> <li>• Bantuan makanan bulanan</li> <li>• Bantuan kewangan bulanan</li> <li>• Bantuan perubatan</li> <li>• Bantuan caruman takaful</li> </ul>

BANTUAN

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan sambutan hari kebesaran Islam</li> <li>• Bantuan pembinaan rumah individu/ kelompok</li> <li>• Bantuan aset tetap</li> <li>• Bantuan membaik pulih rumah</li> <li>• Bantuan sewa rumah</li> <li>• Bantuan bengkel kemahiran</li> <li>• Bantuan modal perniagaan</li> <li>• Bantuan modal perikanan</li> <li>• Bantuan modal penternakan</li> <li>• Bantuan modal pertanian</li> <li>• Bantuan yuran sekolah rendah/menengah/ kolej/universiti</li> <li>• Bantuan biasiswa pelajaran</li> <li>• Bantuan kursus/latihan</li> <li>• Bantuan pengurusan jenazah</li> <li>• Bantuan kecemasan/runcit</li> <li>• Bantuan pakaian</li> <li>• Bantuan perkahwinan</li> <li>• Bantuan pengangkutan</li> </ul>
iii.	Amil	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Upah dan urusan pengurusan amil</li> </ul>
iv.	Muallaf	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan sagu hati Hari Raya</li> <li>• Bantuan kewangan bulanan</li> <li>• Bantuan sagu hati galakan saudara baru</li> <li>• Bantuan sambutan hari kebesaran Islam</li> <li>• Bantuan peralatan penyelenggaraan komputer</li> <li>• Bantuan berkhatan</li> <li>• Bantuan perkahwinan</li> <li>• Bantuan sumbangan badan/persatuan saudara baru</li> <li>• Bantuan pembinaan rumah individu</li> <li>• Bantuan membaik pulih rumah</li> <li>• Bantuan sewa rumah</li> <li>• Bantuan pengurusan rumah perlindungan</li> <li>• Bantuan modal</li> <li>• Bantuan aktiviti/lawatan sambil belajar</li> <li>• Bantuan elaun kehadiran kelas agama asas</li> <li>• Bantuan kursus/latihan</li> <li>• Bantuan pengurusan jenazah muallaf</li> </ul>

MANUAL PENGURUSAN AGIHAN ZAKAT

		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan kecemasan/runcit</li> <li>• Bantuan program ceramah muallaf</li> <li>• Bantuan aset tetap muallaf</li> <li>• Bantuan pakaian</li> <li>• Bantuan pengangkutan</li> <li>• Bantuan pujukan kepada Islam</li> <li>• Bantuan ancaman atau ugutan</li> <li>• Bantuan pengukuhan dan pemulihan akidah</li> <li>• Bantuan pembangunan rumah ibadat</li> <li>• Bantuan dakwah kepada bukan Islam</li> <li>• Bantuan perlindungan</li> <li>• Bantuan belanja pengurusan Unit Muallaf</li> <li>• Bantuan gaji kakitangan Unit Muallaf</li> </ul>
v.	Fi sabilillah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bantuan program forum/ceramah agama</li> <li>• Bantuan elaun bulanan/kursus pegawai masjid</li> <li>• Bantuan kepada persatuan/badan kebajikan Islam</li> <li>• Bantuan elaun tahunan AJK masjid</li> <li>• Bantuan imbuhan Penolong Pendaftar Nikah dan Rujuk</li> <li>• Bantuan elaun guru KAFA</li> <li>• Bantuan sagu hati kaunselor sukarela</li> <li>• Bantuan program “out reach”</li> <li>• Bantuan dermasiswa huffaz quran</li> <li>• Bantuan kelengkapan, baik pulih dan pembinaan Masjid/surau/institusi agama</li> <li>• Bantuan kecemasan dan bencana alam</li> <li>• Bantuan penerbitan/penyelidikan</li> <li>• Bantuan pelajaran</li> <li>• Bantuan dermasiswa pelajar cemerlang</li> <li>• Bantuan elaun guru-guru agama/mubaligh</li> <li>• Bantuan elaun guru-guru al-Quran</li> <li>• Bantuan elaun guru kelas agama</li> <li>• Bantuan pengkaderan dakwah</li> <li>• Bantuan pengurusan jenazah tanpa waris</li> <li>• Bantuan kepada program yang diluluskan oleh Fatwa</li> </ul>

## BANTUAN

vi.	Gharimin	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bantuan menyelesaikan hutang kerana keperluan asasi diri dan tanggungan</li><li>• Bantuan menyelesaikan hutang badan/ persatuan untuk masalah ummah</li><li>• Bantuan menyelesaikan hutang perubatan</li><li>• Bantuan menyelesaikan hutang pengurusan jenazah tanpa waris</li><li>• Bantuan menyelesaikan hutang pendidikan</li><li>• Bantuan menyelesaikan hutang si mati yang fakir dan miskin</li></ul>
vii.	Riqab	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bantuan pemurnian akidah</li><li>• Bantuan pemulihan akhlak</li><li>• Bantuan untuk melepaskan dari belenggu kemaksiatan</li><li>• Bantuan untuk membasmi kejahilan</li><li>• Bantuan untuk membebaskan diri dari sebarang bentuk perhambaan</li></ul>
viii.	Ibnussabil	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bantuan tambang perjalanan pada pelajar/ musafir</li><li>• Bantuan pelajar luar negara</li><li>• Bantuan musafir</li></ul>

Nota : Jika sumber zakat terhad, maka agihannya hendaklah dilakukan mengikut keutamaan

### **SYARAT UMUM PENERIMA AGIHAN ZAKAT**

Semua penerima skim bantuan mestilah memenuhi syarat-syarat umum berikut:

- i. Islam (kecuali golongan tertentu dalam skim bantuan muallaf).
- ii. Warganegara Malaysia/Penduduk tetap (kecuali Ibnussabil).
- iii. Bermastautin (kecuali Ibnussabil).
- iv. Pendapatan keluarga tidak sampai had mencukupi (Haddul Kifayah).



- v. Tidak mendapat mana-mana bantuan yang mencukupi daripada pihak lain.

## **SKIM BANTUAN AGIHAN ZAKAT**

### **1. Skim Bantuan Kewangan Bulanan**

#### **i. Objektif**

Membantu golongan fakir, miskin dan muallaf dalam bentuk kewangan bagi meringankan bebanan kewangan mereka.

#### **ii. Asnaf**

Fakir, Miskin dan Muallaf.

#### **iii. Syarat-syarat**

- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
- b. Tergolong dalam asnaf Fakir, Miskin dan Muallaf yang menghadapi mana-mana masalah berikut:
  - i. Mempunyai ramai tanggungan yang masih belajar.
  - ii. Berpenyakit yang kronik.
  - iii. Pendapatan tidak mencukupi.
  - iv. Tiada waris.
  - v. Cacat fizikal/mental.
  - vi. Uzur.

#### **iv. Kaedah Pelaksanaan**

- a. Jika tinggal bersama anak lelaki atau perempuan, permohonan adalah di atas nama pemohon tetapi penentuan asnaf berdasarkan kepada pendapatan anak lelaki.

## BANTUAN

- b. Jika menumpang di rumah bukan waris pemohon, bantuan diberi kepada pemohon.
  - c. Bagi lelaki yang berpoligami, permohonan hendaklah dibuat atas nama suami dan bantuan disalurkan kepada isteri/isteri-isteri yang layak.
- v. **Cara Bayaran/Bantuan**
- a. Bayaran tunai (bagi penerima yang bermasalah seperti uzur dan kes-kes tertentu).
  - b. Kredit ke dalam akaun bank.

## 2. Skim Bantuan Pelajaran

### i. **Objektif**

Memberi bantuan pelajaran kepada anak golongan fakir, miskin dan muallaf yang menuntut di sekolah rendah, menengah dan seumpamanya supaya tidak tercicir dalam pelajaran serta dapat membaiki taraf hidup keluarga.

### ii. **Asnaf**

Fakir, Miskin dan Muallaf.

### iii. **Syarat-syarat**

- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
- b. Sekiranya ibu bapa adalah penerima bantuan zakat, maka anak-anak layak mendapat bantuan pelajaran.
- c. Tidak mendapat bantuan pelajaran dari mana-mana pihak.
- d. Mendapat sokongan dan perakuan baik dari Guru Besar/Pengetua.

### iv. **Kaedah Pelaksanaan**

- a. Permohonan hendaklah dibuat oleh ketua keluarga.

- b. Semua maklumat kelulusan bantuan pelajaran dimaklumkan kepada pihak berkuasa sekolah berkenaan.
  - c. Semua buku simpanan wang dan pengeluaran wang perlu dipantau oleh pihak berkuasa sekolah.
- v. **Cara Bayaran/Bantuan**
- a. Kredit ke dalam akaun bank.
  - b. Melalui sekolah.

### 3. Skim Bantuan Perniagaan

i. **Objektif**

Membantu golongan fakir, miskin dan muallaf untuk berdikari dengan menjalankan perniagaan kecil-kecilan bagi meningkatkan taraf ekonomi mereka, memajukan perniagaan mereka agar tidak terus dibelenggu kemiskinan, dan seterusnya menjadi golongan pembayar zakat.

ii. **Asnaf**

Fakir, Miskin dan Muallaf.

iii. **Syarat-syarat**

- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
- b. Memiliki lesen dan/atau tapak perniagaan dari pihak berkuasa berkenaan.
- c. Pemohon jika perlu, menghadiri kursus induksi sebelum menerima bantuan. Bagi mendapatkan bantuan kali kedua pemohon perlu mengikuti kursus lanjutan dan menyediakan akaun perniagaan.
- d. Bantuan modal pusingan perniagaan boleh diberikan kepada mereka yang mempunyai

## BANTUAN

pekerjaan tetapi tidak mencukupi Haddul Kifayah seperti pengawal keselamatan, pemandu dan sebagainya.

- e. Bantuan juga boleh diberikan atas sebab berikut :
  - i. Ditimpa bencana alam.
  - ii. Ditimpa kecurian atau rompakan dan seumpamanya.
  - iii. Perniagaan berdaya maju.

### iv. **Kaedah Pelaksanaan**

- a. Pemohon mengisi borang khas.
- b. Bantuan diberi berupa wang tunai atau peralatan.
- c. Pemohon menghadiri taklimat pihak berkuasa zakat.
- d. Tertakluk kepada kesesuaian selepas dibuat lawatan tapak perniagaan oleh pihak berkuasa zakat.

### v. **Cara Bayaran/Bantuan**

- a. Bantuan boleh diberikan dalam bentuk modal pusingan atau peralatan perniagaan.
- b. Bayaran cek atau pengeluaran Pesanan Tempatan atau kaedah-kaedah lain mengikut peraturan kewangan.

## 4. **Skim Bantuan Deposit Sewa Beli Teksi**

### i. **Objektif**

Memberi bantuan sewa beli teksi kepada golongan fakir, miskin dan muallaf bagi mempertingkatkan taraf hidup mereka.

- ii. **Asnaf**  
Fakir, Miskin dan Muallaf.
  - iii. **Syarat-syarat**
    - a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
    - b. Pemohon mempunyai lesen memandu sekurang-kurangnya kelas D dan lesen memandu kenderaan awam (PSV).
  - iv. **Kaedah Pelaksanaan**
    - a. Mengemukakan permit dan lesen memandu.
    - b. Bantuan diberi untuk membayar deposit atau sewa bagi membolehkan teksi berkenaan dapat digunakan.
  - v. **Cara Bayaran/Bantuan**  
Bayaran dibuat terus oleh pusat zakat kepada syarikat pengendali/ pengeluar teksi berkenaan.
5. **Skim Bantuan Membaiki, Membina Rumah Atau Pendahuluan Pembelian Rumah Kos Rendah**
- i. **Objektif**  
Membantu golongan fakir, miskin dan muallaf dari segi kewangan bagi menampung kos membaiki, membina rumah atau bagi membayar wang pendahuluan pembelian rumah kos rendah.
  - ii. **Asnaf**  
Fakir, Miskin dan Muallaf.
  - iii. **Syarat-syarat:**
    - a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
    - b. Kerosakan rumah pemohon disebabkan oleh bencana alam dan keuzuran usia rumah.

## BANTUAN

- c. Pemohon mempunyai tanah bergeran atau mendapat kebenaran daripada tuan tanah melalui surat bertulis (surat sumpah).
  - d. Pemohon memiliki lesen menduduki sementara (TOL) Pejabat Tanah atau
  - e. Pemohon telah mendapat tawaran membeli rumah Kos Rendah dari pihak Berkuasa Kerajaan Negeri.
- iv. **Kaedah Pelaksanaan**  
Pembaikan atau pembinaan rumah dibuat melalui kontraktor, tukang atau secara bergotong-royong.
- v. **Cara Bayaran/Bantuan**
- a. Bayaran akan dibuat kepada kontraktor yang berdaftar dengan Majlis Agama Islam atau kepada pembekal atau
  - b. Bayaran pendahuluan pembelian Rumah Kos Rendah dibayar terus kepada pihak pemaju.

### 6. Skim Bantuan Pembinaan Rumah

- i. **Objektif**  
Membantu golongan fakir, miskin dan muallaf dari segi kewangan bagi membina rumah dengan kerjasama dan bantuan dari agensi-agensi lain.
- ii. **Asnaf**  
Fakir, Miskin dan Muallaf.
- iii. **Syarat-syarat**
  - a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
  - b. Pemohon tidak mempunyai rumah lain.
  - c. Terpilih oleh pihak berkuasa.

iv. **Kaedah Pelaksanaan**

- a. Dikenal pasti oleh pihak berkuasa.
- b. Ditempatkan dalam satu kawasan tertentu.

v. **Cara Bayaran/Bantuan**

Bayaran dibuat kepada kontraktor yang berdaftar dengan pihak berkuasa Agama Islam negeri.

7. **Skim Bantuan Ibnussabil**

i. **Objektif**

Meringankan bebanan mereka yang terkandas dalam perjalanan.

ii. **Asnaf**

Ibnussabil.

iii. **Syarat-syarat**

- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum kecuali taraf kewarganegaraan dan pemastautinan.
- b. Perjalanan (*safar*) diharuskan oleh syarak.
- c. Pemohon tidak mempunyai perbelanjaan yang mencukupi bagi membiayai keperluan asasi buat sementara waktu sebelum pulang ke negeri/negara asal.
- d. Pemohon tiada saudara mara/kedutaan yang bersedia dan berkewajipan untuk membantu.
- e. Pemohon mempunyai dokumen perjalanan yang sah.

iv. **Kaedah Pelaksanaan**

- a. Pembayaran visa/tambang bagi warga asing diberi sekali sahaja berdasarkan kes tertentu yang boleh dipertimbangkan.

## BANTUAN

- b. Pemohon hendaklah mengemukakan laporan polis ke atas apa-apa kehilangan wang dan sebagainya.
- c. Pemohon hendaklah mengemukakan maklumat diri dan butir-butir perjalanan.
- d. Pelajar hendaklah mengemukakan surat tawaran belajar dan surat kebenaran dari Kementerian Pendidikan Malaysia.
- e. Pemohon mengemukakan sebut harga dan salinan tiket perjalanan pergi atau balik.
- f. Pemohon mengemukakan surat tamat belajar dari Jabatan Penuntut Malaysia di tempat pemohon belajar.

### v. **Bentuk Bantuan**

- a. Wang saku.
- b. Tiket perjalanan.

### vi. **Cara Bayaran/Bantuan**

- a. Tunai atau cek.
- b. Waran perjalanan.
- c. Tiket.

## 8. **Skim Bantuan Kecemasan**

### i. **Objektif**

Membantu mereka yang menghadapi masalah dan memerlukan pertolongan serta merta/segera akibat terputusnya perbelanjaan sara hidup.

### ii. **Asnaf**

Semua asnaf kecuali Amil.



**iii. Syarat-syarat**

- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
- b. Pemohon dalam perjalanan sementara menunggu bantuan Ibnussabil.
- c. Pemohon diberhentikan kerja oleh majikan dan telah kehabisan belanja saraan hidup atau berada dalam tahanan.
- d. Isteri yang tidak mempunyai pendapatan/pekerjaan, yang ditinggalkan oleh suami tanpa nafkah atau yang kematian suami.
- e. Ibu/bapa yang tidak mampu/kehabisan wang untuk membayar wang pendaftaran/yuran sekolah/membeli buku-buku anak di peringkat sekolah rendah/menengah di bawah asnaf Fakir, Miskin dan Muallaf.
- f. Pemohon menanggung hutang yang terpaksa dibayar serta merta.
- g. Pemohon memerlukan rawatan perubatan/peralatan dengan segera.
- h. Pemohon adalah anak yatim yang kehilangan tempat bergantung.
- i. Jenazah yang tidak mempunyai waris atau mempunyai waris tetapi miskin.
- j. Muallaf yang disingkirkan atau yang putus hubungan dengan keluarga asal.
- k. Bantuan bertujuan untuk menyelamatkan akidah.

**iv. Kaedah Pelaksanaan**

- a. Pemohon mengemukakan laporan polis bagi kes kehilangan/kecurian/ rompakan.

## BANTUAN

- b. Bantuan diberi sekali sahaja, berulang kali bagi kes-kes khas.
  - c. Bagi kes-kes seperti bantuan perubatan bencana alam, hutang, kematian dan pelajaran, dokumen-dokumen hendaklah disertakan.
- v. **Cara Bayaran/Bantuan**
- a. Bayaran secara tunai.
  - b. Barang keperluan.

### 9. Skim Bantuan Riqab

- i. **Objektif**  
Memerdekakan diri daripada cengkaman perhambaan, kejahilan atau kongkongan pihak tertentu.
- ii. **Asnaf**  
Riqab.
- iii. **Syarat-syarat**
  - a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
  - b. Pemohon tidak mampu melepaskan diri dari apa-apa cengkaman kejahilan.
  - c. Ada jaminan dari mereka yang menguasai seseorang untuk melepaskan diri sekiranya dibayar atau ditebus.
  - d. Berikhtiar melepas diri dari terjebak atau kongkongan kegiatan tidak bermoral.
- iv. **Kaedah Pelaksanaan**
  - a. Bagi kes penculikan hendaklah disertakan laporan polis daripada warisnya.
  - b. Bagi mereka yang terlibat dalam kes-kes tertentu,

maklumat-maklumat direkod dan tertakluk kepada prosedur tempat perlindungan.

v. **Cara Bayaran/Bantuan**

- a. Bantuan akan diberi secara tunai atau cek.
- b. Bayaran terus kepada pihak yang berkenaan.
- c. Menyediakan tempat perlindungan.

**10. Skim Bantuan Am Pelajaran/Dermasiswa**

i. **Objektif**

Membiayai pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran di institusi pendidikan/pusat latihan kemahiran dalam dan luar negeri.

ii. **Asnaf**

Fakir, Miskin, Muallaf dan Fi sabilillah.

iii. **Syarat-syarat**

- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
- b. Tempoh kursus sama ada jangka pendek atau jangka panjang.
- c. Pemohon tidak mendapat tajaan/dermasiswa/pinjaman dari mana-mana pihak atau mendapat dermasiswa yang tidak mencukupi.
- d. Pemohon telah mendapat tempat belajar di peringkat Sijil atau Diploma atau Ijazah Pertama sahaja. Walau bagaimanapun, permohonan bagi pengajian di peringkat Sarjana atau Doktor Falsafah (PH.D) boleh dipertimbangkan bagi kes-kes khas.
- e. Bantuan lanjutan boleh diberi kepada calon yang mendapat keputusan lulus atau kepada calon yang gagal kali pertama sahaja.

## BANTUAN

- f. Keutamaan agihan bantuan akan diberi berdasarkan keperluan di bawah peruntukan asnaf Fi sabilillah.
  - g. Pertimbangan juga akan diberi kepada pelajar yang membuat latihan amali.
- iv. **Kaedah Pelaksanaan**  
Permohonan akan dipertimbangkan setelah pemohon mengemukakan dokumen sokongan seperti surat tawaran, pengesahan kelulusan, penyata yuran dan seumpamanya.
- v. **Cara Bayaran/Bantuan**  
Melalui cek kepada pemohon, IPT berkaitan atau melalui kredit ke dalam akaun bank.
- 11. Skim Bantuan kepada Agensi-Agensi Kebajikan dan Institusi Dakwah**
- i. **Objektif**  
Membantu institusi keagamaan seperti masjid, surau, sekolah, pertubuhan, persatuan atau badan dakwah untuk membina, menyelenggara bangunan atau untuk menyediakan peralatan serta menjalankan program dakwah dan kebajikan.
  - ii. **Asnaf**  
Muallaf dan Fi sabillah.
  - iii. **Syarat-syarat**
    - a. Agensi hendaklah berdaftar dan menjalankan program-program kebajikan.
    - b. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan hendaklah mendapat pengesahan.

iv. **Kaedah Pelaksanaan**

- a. Pemohon mengisi borang permohonan yang mengandungi butir-butir berikut:
  - i. Objektif dan kandungan program.
  - ii. Tarikh.
  - iii. Tempoh.
  - iv. Tempat pelaksanaan.
  - v. Anggaran perbelanjaan.
  - vi. Alamat dan nombor akaun penerima sumbangan.
- b. Permohonan dari luar negara, perlu dibuat melalui Wisma Putra atau Perwakilan Malaysia/Majlis Agama Islam di negara pemohon.
- c. Pembekal peralatan dan barangan mestilah berdaftar dengan Majlis Agama Islam Negeri.

v. **Cara Bayaran/Bantuan**

- a. Pemberian cek kepada pemohon.
- b. Pembekalan peralatan melalui syarikat yang berdaftar.
- c. Pembayaran terus kepada syarikat pembekal.

**12. Skim Bantuan Ramadan ('Idulfitri)**

- i. **Objektif**  
Membantu golongan fakir, miskin dan muallaf menampung perbelanjaan sempena Hari Raya 'Idulfitri.
- ii. **Asnaf**  
Fakir, Miskin dan Muallaf.

## BANTUAN

### iii. Syarat-syarat

- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
- b. Pemohon pernah mendapat bantuan di bawah asnaf-asnaf berkenaan.
- c. Pemohon telah dicadangkan oleh amil atau yang telah dibanci oleh MAIN/Jabatan Zakat.

### iv. Kaedah Pelaksanaan

Bayaran bantuan diberi pada bulan Ramadan sahaja.

### v. Cara Bayaran/Bantuan

- a. Pembayaran tunai.
- b. Kredit ke dalam akaun bank.
- c. Penyediaan barangan.

## 13. Skim Bantuan 'Iduladha

### i. Objektif

Membantu golongan fakir, miskin dan muallaf menampung perbelanjaan sempena Hari Raya 'Iduladha.

### ii. Asnaf

Fakir, Miskin dan Muallaf.

### iii. Syarat-syarat

- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
- b. Pemohon tidak pernah mendapat bantuan di bawah asnaf-asnaf berkenaan.
- c. Pemohon telah dicadangkan oleh amil atau yang telah dibanci oleh MAIN/Jabatan Zakat.

### iv. Kaedah Pelaksanaan

Bayaran bantuan diberi sebelum 10 Zulhijjah sahaja.

- v. **Cara Bayaran/Bantuan**
  - a. Pembayaran tunai.
  - b. Kredit ke dalam akaun bank.
  - c. Penyediaan barangan.

#### 14. Skim Bantuan Rawatan Perubatan

- i. **Objektif**

Membantu pesakit yang tidak mampu menampung pembiayaan kos perubatan di mana-mana pusat perubatan (swasta/Kerajaan).
- ii. **Asnaf**

Fakir, Miskin, Muallaf, Fisabillah dan Ibnussabil.
- iii. **Syarat Permohonan**
  - a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum kecuali taraf kewarganegaraan dan pemastautinan bagi Ibnussabil.
  - b. Pemohon mengemukakan laporan/pengesahan pegawai perubatan dari pusat-pusat perubatan atau mana-mana pihak yang diiktiraf termasuk pusat rawatan tradisional.
- iv. **Kaedah Pelaksanaan**
  - a. Pemohon hendaklah kemukakan kos rawatan, peralatan, perubatan dan sebagainya manakala bantuan peralatan dibuat melalui sebut harga.
  - b. Bagi kes-kes rawatan di hospital Kerajaan permohonan lengkap hendaklah dikemukakan melalui hospital.
  - c. Bagi kes-kes rawatan di hospital swasta, surat pengesahan daripada hospital berkenaan (swasta)

## BANTUAN

hendaklah diperoleh sama ada di dalam atau di luar negara.

- d. Pemohon kemukakan semua maklumat sumbangan yang diterima daripada mana-mana pihak.
  - e. Majlis atau Jabatan Zakat keluarkan surat jaminan kepada pusat-pusat rawatan/pembekal bagi membolehkan pemohon mendapatkan rawatan atau peralatan.
  - f. Bagi kes-kes kecemasan surat kelulusan/jaminan boleh dibuat lebih awal untuk tujuan rawatan.
- v. **Cara Bayaran/Bantuan**
- a. Tunai atau cek setelah pemohon mengemukakan tuntutan bayaran.
  - b. Bayaran dibuat terus kepada pembekal atau pusat-pusat rawatan.

### 15. Skim Bantuan Perkahwinan

- i. **Objektif**  
Membantu pasangan yang hendak berumah tangga.
- ii. **Asnaf**  
Fakir, Miskin dan Muallaf
- iii. **Syarat permohonan**
  - a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
  - b. Memenuhi syarat wajib berkahwin tetapi tidak berkemampuan.
  - c. Pemohon belum beristeri/bersuami.
  - d. Pemohon telah mendapat suratakuan kebenaran berkahwin daripada Pendaftar Nikah Cerai.



- e. Mendapat surat akuan memeluk agama Islam daripada Jabatan Agama Islam.

iv. **Kaedah Pelaksanaan**

- a. Memerlukan siasatan awal sebelum bantuan dipertimbangkan.
- b. Pemohon dan pasangan mengemukakan dahulu maklumat lengkap pasangan masing-masing untuk direkodkan.

v. **Cara Bayaran/Bantuan**

Tunai sahaja.

**16. Skim Bantuan Deposit Sewa Rumah, Elektrik Dan Air**

i. **Objektif**

Bantuan ini bertujuan membantu mereka yang tidak berkemampuan membayar deposit sewa rumah, elektrik dan bekalan air.

ii. **Asnaf**

Fakir, Miskin dan Muallaf.

iii. **Syarat-syarat**

- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
- b. Tidak mempunyai rumah.

iv. **Kaedah Pelaksanaan**

- a. Pemohon hendaklah mengemukakan surat perakuan dari pemilik rumah sewa.
- b. Pemohon hendaklah mengemukakan kadar sewa, deposit sewa rumah, bekalan elektrik dan air yang dikenakan.

## BANTUAN

v. **Cara Bayaran/Bantuan**

Penyediaan cek atas nama pihak yang memberi sewa atau agensi yang memberi sewa.

**17. Skim Bantuan Pembayaran Cukai Taksiran, Cukai Tanah, Deposit dan Bil Elektrik/Air serta Pembentungan Rumah Sendiri**

i. **Objektif**

Untuk meringankan beban mereka yang tidak berkemampuan untuk membayar cukai taksiran, cukai tanah, deposit dan bil elektrik/air serta pembentungan rumah sendiri.

ii. **Asnaf**

Fakir, Miskin dan Muallaf.

iii. **Syarat-syarat**

- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
- b. Pemohon memiliki rumah sendiri.
- c. Tidak berkemampuan.

iv. **Kaedah Pelaksanaan**

- a. Pemohon kemukakan butir-butir lengkap pemilikan rumah.
- b. Pemohon kemukakan kadar bil-bil yang berkenaan.

v. **Cara Bayaran/Bantuan**

- a. Melalui cek kepada pihak-pihak berkenaan.
- b. Penyediaan cek atas nama pihak yang memberi sewa atau agensi yang memberi sewa.

## **18. Skim Bantuan Menyelesaikan Hutang**

### **i. Objektif**

Membantu mereka yang mempunyai tanggungan hutang bagi memenuhi keperluan asas.

### **ii. Asnaf**

Gharimin.

### **iii. Syarat-syarat**

- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
- b. Hutang bagi pembiayaan keperluan asas:
  - i. Perlindungan.
  - ii. Makanan.
  - iii. Pakaian.
  - iv. Kesihatan.
  - v. Pendidikan.
  - vi. Pengangkutan.
  - vii. Perniagaan.
  - viii. Jaminan yang diharuskan syarak.
- c. Hutang telah mencapai tempoh yang wajib dijelaskan.
- d. Pemohon telah berusaha bersungguh-sungguh untuk membayar hutang tersebut.

### **iv. Kaedah Pelaksanaan**

- a. Keutamaan bantuan diberi kepada golongan fakir, miskin dan muallaf dan si mati dari golongan berkenaan.
- b. Bantuan bagi penyelesaian hutang tidak melibatkan perkara-perkara berikut:

## BANTUAN

- i. Pinjaman kenderaan.
  - ii. Kad kredit.
  - iii. Cagaran tempat perlindungan.
  - iv. Perniagaan (yang berskala besar)/pelaburan / pembelian saham.
  - v. Pinjaman pelajaran (kecuali bayaran yuran).
  - vi. Bil telefon.
  - vii. Pinjaman peribadi yang bukan melibatkan keperluan asasi.
  - viii. Denda/ saman.
  - ix. Lain-lain seumpamanya.
- c. Permohonan disertakan dengan:
- i. Bil/notis hutang atau surat akuan berhutang dari pihak pemberi hutang.
  - ii. Surat akuan sumpah juga disertakan sama ada dari pihak pemberi hutang atau si berhutang.
- v. **Cara Bayaran/Bantuan**  
Bayar terus kepada pemberi hutang.

### 19. Skim Bantuan Musibah

- i. **Objektif**  
Meringankan beban mereka yang ditimpa musibah seperti ribut, angin puting beliung, kebakaran, banjir, tanah runtuh dan lain-lain yang menyebabkan kemusnahan/kerosakan harta benda.
- ii. **Asnaf**  
Fakir, Miskin, Muallaf, Gharimin dan Fi sabilillah.

**iii. Syarat-syarat**

- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
- b. Pemohon mendapat pengesahan dari pihak-pihak berkuasa.

**iv. Kaedah Pelaksanaan**

- a. Bantuan diberi kepada ketua keluarga/ketua isi rumah.
- b. Bantuan diberi tanpa mengira taraf kedudukan fakir atau miskin.
- c. Permohonan boleh diterima melalui ketua amil/imam/ketua masyarakat/jawatankuasa bertindak setempat atau dari pemohon yang terlibat sendiri dengan sesuatu musibah.

**v. Cara Bayaran/Bantuan**

- a. Tunai.
- b. Pemberian cek.
- c. Barangan.

**20. Skim Bantuan Yuran Persekolahan dan Peperiksaan Sekolah Rendah/Menengah**

**i. Objektif**

Meringankan perbelanjaan yuran persekolahan dan peperiksaan sekolah rendah/menengah.

**ii. Asnaf**

Fakir, Miskin dan Muallaf.

**iii. Syarat-Syarat**

- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.

## BANTUAN

- b. Pemohon bersekolah di sekolah Kerajaan atau di sekolah-sekolah yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri-negeri.
  - c. Pemohon kemukakan pengesahan dari pihak sekolah yang berkaitan.
- iv. **Kaedah Pelaksanaan**
- a. Pemohon mengemukakan tuntutan yuran perbelanjaan kepada pihak Majlis/Jabatan Zakat setelah mendapat pengesahan sekolah.
  - b. Keluarkan surat jaminan kepada pihak sekolah.
- v. **Cara Bayaran/Bantuan**  
Cek dibayar menerusi sekolah.

### 21. Skim Bantuan Kaunselor Sukarela

- i. **Objektif**  
Membantu Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri-negeri menyediakan khidmat kaunseling kepada pihak yang bermasalah.
- ii. **Asnaf**  
Fi sabilillah.
- iii. **Syarat-Syarat**
  - a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
  - b. Pemohon berdaftar dengan Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri sebagai kaunselor sukarela.
- iv. **Kaedah Pelaksanaan**  
Tuntutan disahkan oleh pihak yang menerima kaunseling.

- v. **Cara Bayaran/Bantuan**
  - a. Cek kepada kaunselor berkenaan.
  - b. Kredit ke dalam akaun bank.

## 22. Skim Bantuan Pengurusan Rumah Warga Emas

- i. **Objektif**

Membantu pihak pengurusan mengendalikan rumah warga emas.
- ii. **Asnaf**

Fakir, Miskin dan Muallaf.
- iii. **Syarat-syarat**
  - a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
  - b. Pemohon tidak mempunyai waris yang berkewajipan dari segi hukum syarak untuk menanggungnya atau mempunyai waris yang tidak bertanggungjawab.
  - c. Pemohon berusia 50 tahun ke atas.
- iv. **Kaedah Pelaksanaan**
  - a. Penghuni terdiri daripada mereka yang memohon secara sukarela atau yang dicadangkan oleh masyarakat setempat atau pihak berkuasa agama.
  - b. Pendaftaran kemasukan dan pembayaran sara hidup seperti badan kebajikan adalah percuma.
  - c. Jangka masa tidak terhad, kecuali bagi waris terdekat memohon untuk menjaganya.
  - d. Keutamaan diberikan kepada warga emas yang tidak mampu menguruskan diri sendiri.

## BANTUAN

- v. **Cara Bayaran/Bantuan**  
Peruntukan disalurkan kepada pihak Pengurusan Rumah Warga Emas.

### 23. Skim Bantuan Galakan Berkhatan Muallaf

- i. **Objektif**  
Memberi galakan dan memenuhi tuntutan syarak bagi asnaf Muallaf.
- ii. **Asnaf**  
Muallaf.
- iii. **Syarat-syarat**
  - a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
  - b. Kemukakan pengesahan menganut Islam oleh Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri.
- iv. **Kaedah Pelaksanaan**
  - a. Pemohon kemukakan dokumen pengesahan daripada Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri.
  - b. Bantuan diberi secara sekali gus.
  - c. Berkhatan di hospital Kerajaan atau klinik.
- v. **Cara Bayaran/Bantuan**
  - a. Tunai.
  - b. Cek.

### 24. Skim Bantuan Takaful Berkelompok

- i. **Objektif**  
Memberi jaminan dan perlindungan dalam bentuk kewangan kepada asnaf berkenaan.



- ii. **Asnaf**  
Fakir, Miskin dan Muallaf.
  - iii. **Syarat-syarat**
    - a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
    - b. Pemohon memenuhi syarat-syarat syarikat takaful.
  - iv. **Kaedah Pelaksanaan**
    - a. Majlis sebagai pemegang amanah polisi takaful sehingga tempoh matang.
    - b. Keutamaan diberi kepada takaful yang memberi pulangan yang lebih menguntungkan kepada peserta.
    - c. Mengisi borang yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Agama Islam negeri.
  - v. **Cara Bayaran/Bantuan**
    - a. Caruman dibayar melalui cek terus kepada syarikat takaful.
    - b. Kredit ke dalam akaun bank.
- 25. Skim Bantuan Hutang Organisasi/Persatuan**
- i. **Objektif**  
Meringankan beban atau tanggungan organisasi atau persatuan yang mempunyai beban hutang kerana menjalankan aktiviti untuk kepentingan masyarakat Islam.
  - ii. **Asnaf**  
Gharimin dan Fi sabilillah.

## BANTUAN

### iii. Syarat-syarat

- a. Aktiviti yang dijalankan adalah berdasarkan keperluan masyarakat Islam.
- b. Organisasi berdaftar atau diiktiraf.
- c. Hutang telah sampai tempoh wajib untuk dijelaskan.
- d. Tidak mampu menjelaskan hutang.

### iv. Kaedah Pelaksanaan

- a. Organisasi kemukakan bukti hutang.
- b. Organisasi kemukakan surat-suratakuan atau perjanjian dengan pihak pemberi hutang.
- c. Organisasi buat pengakuan sudah berusaha tetapi tidak berupaya menyelesaikan hutang.

### v. Cara Bayaran/Bantuan

- a. Cek terus kepada pemberi hutang.
- b. Kredit ke dalam akaun bank.

## 26. Skim Bantuan Penolong Pendaftar Nikah Cerai

### i. Objektif

Memberi penghargaan kepada Penolong Pendaftar Nikah Cerai yang telah bersara.

### ii. Asnaf

Fi sabilillah.

### iii. Syarat-syarat

- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
- b. Pemohon telah bersara.

- c. Pemohon mempunyai rekod perkhidmatan yang bersih.
  - d. Pemohon telah berkhidmat tidak kurang dari 5 tahun.
- iv. **Kaedah Pelaksanaan**
- a. Maklumat mereka yang terlibat dibekalkan oleh pentadbiran pejabat agama Negeri/Daerah.
  - b. Bayaran diberi kepada penerima sekali sahaja.
- v. **Cara bayaran/Bantuan**
- a. Cek.
  - b. Kredit ke dalam akaun bank.

**27. Skim Bantuan Kursus, Latihan Dan Kemahiran**

- i. **Objektif**
- Memberi latihan dan kemahiran untuk pembangunan diri dan kerohanian supaya dapat berdikari.
- ii. **Asnaf**
- Fakir, Miskin, Muallaf dan Fi sabilillah.
- iii. **Syarat-syarat**
- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
  - b. Pemohon cenderung untuk mengubah diri menjadi lebih baik.
- iv. **Kaedah Pelaksanaan**
- a. Pemohon kemukakan permohonan lengkap.
  - b. Pemilihan diputuskan oleh Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri.
  - c. Pemohon berminat menyertai kursus.

## BANTUAN

### v. **Cara Bayaran/Bantuan**

- a. Melalui cek.
- b. Kredit ke dalam akaun bank peserta atau organisasi.

## **28. Skim Bantuan Elaun Khas Mengikuti Kelas Agama Asas**

### i. **Objektif**

Meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam melalui kelas-kelas fardhu ain.

### ii. **Asnaf**

Fakir, Miskin, Muallaf dan Fi sabilillah.

### iii. **Syarat-syarat**

- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
- b. Pemohon menghadiri kelas fardhu ain tidak kurang 80% daripada jumlah masa kursus.

### iv. **Kaedah Pelaksanaan**

- a. Pemohon mengemukakan pengesahan kehadiran berkursus.
- b. Pemohon menghadiri kelas-kelas yang diadakan di tempat-tempat yang dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri.
- c. Badan yang menganjurkan kelas mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri.
- d. Penganjur menggunakan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri.

### v. **Cara Bayaran/Bantuan**

- a. Tunai.
- b. Cek.

## 29. Skim Bantuan Penyelidikan Dan Penerbitan

### i. **Objektif**

Membantu institusi dakwah, institusi pengajian tinggi dan orang perseorangan menjalankan penyelidikan dan penerbitan bagi kepentingan umat Islam.

### ii. **Asnaf**

Fi sabilillah.

### iii. **Syarat-syarat**

- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
- b. Projek bermanfaat kepada umat Islam.
- c. Bahan-bahan penerbitan dirujuk terlebih dahulu kepada jawatan kuasa penilai bagi mendapat kelulusan.

### iv. **Kaedah Pelaksanaan**

- a. Semua jenis penerbitan dan penulisan dikemukakan.
- b. Setiap permohonan disertai dengan bahan kertas kerja lengkap.

### v. **Cara Bayaran/Bantuan**

- a. Cek.
- b. Kredit ke dalam akaun bank.

## 30. Skim Bantuan Aktiviti/Lawatan Belajar

### i. **Objektif**

Memberi pendedahan untuk menambah ilmu pengetahuan, pengalaman, membuka minda serta memantapkan lagi keimanan melalui aktiviti dakwah dan lawatan-lawatan yang mengeratkan hubungan silaturahim.

## BANTUAN

### ii. **Asnaf**

Fakir, Miskin, Muallaf dan Fi sabilillah.

### iii. **Syarat-syarat**

- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
- b. Pemohon kemukakan kertas kerja lengkap.
- c. Aktiviti dan lawatan berfaedah kepada peserta.
- d. Kos hendaklah berpatutan dan ada unsur-unsur penjimatan.
- e. Laporan aktiviti dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri.
- f. Pemohon menyelesaikan urusan-urusan yang memerlukan kelulusan dari pihak-pihak tertentu seperti JPJ, insurans, imigresen dan sebagainya.

### iv. **Kaedah Pelaksanaan**

- a. Pemohon kemukakan permohonan dua bulan sebelum program dilaksanakan.
- b. Penganjur yang memerlukan wang pendahuluan perlu kemukakan permohonan dua minggu sebelum aktiviti dijalankan.

### v. **Cara Bayaran/Bantuan**

- a. Tunai.
- b. Cek.

## 31. **Skim Bantuan Elaun/Sagu Hati Guru Agama/Pegawai Masjid**

### i. **Objektif**

Memberi elaun/sagu hati sebagai insentif kepada guru

## MANUAL PENGURUSAN AGIHAN ZAKAT

agama, guru Al-Quran, mubaligh dan Pegawai Masjid atas sumbangan dalam penghayatan agama Islam.

- ii. **Asnaf**  
Fi sabilillah.
- iii. **Syarat-syarat**
  - a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
  - b. Pemohon memiliki tauliah dan surat pelantikan dari Pihak Berkuasa Agama.
- iv. **Kaedah Pelaksanaan**
  - a. Pemohon sediakan jadual bertugas.
  - b. Pemohon kemukakan laporan tugas bulanan untuk pengesahan Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri bagi mendapatkan tuntutan.
- v. **Cara Bayaran/Bantuan**
  - a. Tunai.
  - b. Cek.
  - c. Kredit ke dalam akaun bank.

### 32. Skim Pembangunan Projek Fardhu Kifayah

- i. **Objektif**  
Untuk menyediakan modal bagi membangunkan projek-projek fardhu kifayah yang berdaya maju bagi melahirkan usahawan muslim dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada asnaf zakat.
- ii. **Asnaf**  
Fi sabilillah.

## BANTUAN

### iii. Syarat-syarat

- a. Pemohon memenuhi syarat-syarat umum.
- b. Menyediakan kertas kerja yang lengkap.
- c. Mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam bidang berkaitan.
- d. Mempunyai rekod peribadi yang baik dan latarbelakang yang cemerlang dalam bidang berkaitan.

### iv. Kaedah Pelaksanaan

- a. Pemohon kemukakan permohonan kepada Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri.
- b. Pemohon menjadi pemegang kepada saham majoriti.
- c. Bentuk pemberian bantuan ini adalah berasaskan prinsip Musyarakah atau Mudharabah.
- d. Pemantauan akan dijalankan oleh Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri.

### v. Cara Bayaran/Bantuan

Bayaran akan dibuat mengikut tahap kemajuan projek ke dalam akaun bank syarikat.

## PENUTUP

Skim bantuan yang disenaraikan dalam bab ini adalah berdasarkan kepada keperluan semasa. Justeru itu, ruang masih terbuka bagi sebarang penambahbaikan. Skim bantuan ini juga boleh disesuaikan dengan keperluan setempat.





## BAB 5: PANDUAN AM



Firman Allah S.W.T. mafhumnya:

*“Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhhlaskan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat dan yang demikian itulah agama yang benar”.*

(Surah Al-Bayyinah 98: 5)

### **PENGENALAN**

Bab ini menerangkan beberapa panduan am sebagai sumber rujukan kepada Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri/Jabatan Zakat Negeri dalam menentukan bentuk bantuan yang boleh diberikan kepada golongan *asnaf* selain daripada bantuan kewangan.

### **KADAR BANTUAN**

Kadar bantuan bagi setiap skim tertakluk kepada kemampuan kewangan Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri/Jabatan Zakat Negeri.

### **CARA MEMOHON**

Semua permohonan hendaklah dibuat dengan mengemukakan borang permohonan yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri/Jabatan Zakat Negeri serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

### **PENERIMAAN BANTUAN LEBIH DARI SATU SKIM**

Individu yang berhak menerima zakat boleh menerima bantuan lebih dari satu skim.

### **BAKI AGIHAN**

Wang agihan zakat yang tidak dapat dihabiskan agihannya pada tahun berkenaan hendaklah dibawa ke tahun berikutnya dan dicampurkan dengan hasil kutipan tahun berikut tersebut.

### **KAJIAN HADDUL KIFAYAH**

Kadar Haddul Kifayah perlu dikaji semula bagi setiap lima tahun.

### **SENARAI FAKIR MISKIN**

Pengemaskinian senarai fakir dan miskin hendaklah dibuat mengikut keperluan dan diselaraskan dengan agensi-agensi lain yang bertanggungjawab dalam program pembasmian kemiskinan.

### **PINDAAN ATAU PENGUBAHSUAIAN MPAZ**

MPAZ ini boleh dipinda atau diubahsuai bersesuaian dengan Akta/Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri mengikut keperluan dan persetujuan Jawatankuasa Fatwa Negeri masing-masing.

Mana-mana skim bantuan, selain skim bantuan agihan yang

## BANTUAN

dinyatakan, sama ada secara langsung atau tidak langsung boleh dilaksanakan setelah diluluskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri.

Mana-mana skim bantuan baru yang diluluskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri hendaklah dimaklumkan dan dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan bagi tujuan penyelarasan.

MPAZ yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan ini boleh diguna pakai oleh negeri-negeri untuk kemudahan serta penyeragaman pelaksanaan agihan zakat.

## **PENUTUP**

Kesimpulannya, MPAZ ini merupakan satu kaedah pengagihan zakat yang tidak bersifat jumud kerana ianya boleh dibuat penambahbaikan bergantung kepada keperluan setempat dan peredaran masa. Pelaksanaan skim-skim yang dicadangkan adalah atas budi bicara Pihak Berkuasa Agama Islam Negeri/ Jabatan Zakat Negeri.

